

B12 & B14

S E M I N A R

SEJARAH

MALAYSIA MODEN



PERSPEKTIF SARAWAK
19 - 21 MEI 1993

*Seminar Sejarahi Malaysia Moden
Perspektif Sarawak*

Kertas Kerja 4

WARGANEGARA ATAU BANGSA

Oleh: DR. H. HAIKAL

WARGANEGARA ATAU BANGSA

OLEH: DR. H. HAIKAL

Ismail Hussein: Memang kewujudan satu Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang utuh, masih merupakan satu mimpi yang jauh, tetapi asas untuk itu telah diletakkan, iaitu dengan menyerap sepenuhnya Bahasa Malaysia di kalangan generasi muda.¹

A. PENGANTAR:

Keadaan yang cukup memprihatinkan di atas boleh terjadi kerana Malaysia adalah negara yang berjaya lahir sebelum adanya bangsa Malaysia. Keadaan ini makin menjejaskan dengan adanya sebahagian orang Malaysia memandangi sepi fahaman kebangsaan atau nasionalisme kerana ianya telah berjaya membebaskan Malaysia dari cengkaman penjajahan.² Bahkan ada sebahagian lagi umat Malaysia menegatifkan bangsa kerana bertentangan dengan Islam.

Mahathir telah membidas golongan yang menganggap nasionalisme sebagai tidak Islamik. Yang bertentangan dengan Islam adalah idolisasi atau mendewakan negara sampai ke tahap mengenyahkan agama. Dengan nasionalisme yang kuat, Malaysia boleh membina masyarakat yang teguh, gagah, dan moden sekiranya difahami nasionalisme itu dalam konteks yang sebenarnya.³

Secara formal pula Malaysia menyatakan sebagai pusat nasionalisme Melayu sekalipun dari segi peratusan, jumlah Melayu di Malaysia hanya sekitar 51% sahaja. Malaysia berjaya mengiktirafkan nasionalisme Melayu yang berbeza dari nasionalisme Indonesia yang hampir 90% penduduknya adalah Melayu. Hanya saja perasaan adanya kesatuan agama, bahasa dan ras ini sukar dilenyapkan.

Lebih menarik lagi pada awal dasawarsa 1960 an Presiden Filipina Diosdado Macapagal mengemukakan cadangan pembentukan persemakmuran atau **commonwealth** Mapilindo (Malaysia, Filipina dan Indonesia). Ianya mendedahkan nasionalisme Melayu dengan mencuba menghilangkan perbezaan agama (kerana amnya penduduk Filipina adalah Katholik atau Kristian) dan perbezaan bahasa (kerana majoriti penduduk Filipina berbahasa Inggeris).⁴

B. WARGANEGARA, KEBERHASILAN DAN CABARAN:

Melayu merupakan suatu ras yang menghadapi pelbagai cabaran sepanjang sejarah mereka. Melayu yang kecil dalam kuantiti, semula bermakna dalam kualiti kerana mereka berjaya sebagai orang tengah dalam perdagangan dan kebudayaan di tengah-tengah lalu lintas pelayaran antara Cina dan India. Mereka juga berjaya sebagai kelasi, pedagang, pujangga, pendakwah serta berakibat bahasanya tersebar di seluruh pesisiran rantau. Semasa Islam datang, bahasa Melayu menjadi media

1. Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*, Bangi, UKM, 1990, p. 12.

utama dalam penyebaran dan pembinaan agama serta tamadun baru itu. Sayangnya pusat aktiviti atau kuasa mereka berpindah-pindah semula di Palembang, kemudian pindah ke Pasai, Melaka, Johor dan Riau.⁵

Kekalahan menghadapi kolonialisme telah menyebabkan peranan mereka menjadi surut dan mereka merasa berpuas hati sebagai petani dan nelayan yang daif. Saat mereka dalam keadaan yang memprihatinkan ini kuasa Barat yang ada sedikit banyak membantu kedatangan orang-orang Cina dan Tamilnya. Akibatnya kaum Melayu makin terdesak dalam konfrontasi dan "dialog" dengan para pendatang baru. Para pendatang baru, terutama Cina, berjaya mengambil alih peranan pedagang⁶ maupun elit Melayu yang makin terdesak.⁷

Selain Melayu dan orang Aslinya, Malaysia juga dikenal dengan dua kaum lainnya, iaitu: Cina dan India. Tapi hanya Melayu yang dikenal sebagai bumiputera dan mempunyai hak-hak istimewa yang tidak boleh diganggu gugat sebagai imbalan pengakuan Cina dan India yang telah cukup lama berada di Malaya sebelum 31 Ogos 1957 sebagai warganegara yang sah.

Warganegara lebih berhubungkait dengan hal-hal pentadbiran, dan ianya diatur melalui undang-undang yang berlaku. Mengenai kewarganegaraan Malaysia, ianya boleh diperolehi dengan cara:

a. kuatkuasa undang-undang; b. pendaftaran; c. permohonan; dan d. kemasukan wilayah.⁸

Sekalipun berbilang kaum, Malaysia tetap berjaya terutama dalam bidang ekonomi. Wajarlah bila Malaysia menarik untuk dikaji, kerana telah memberikan inspirasi bagi mana-mana pihak untuk mengikuti berbagai jejak baik yang telah membawa Malaysia berjaya memberikan jawapan-jawapan bermakna menghadapi berbagai cabaran semasa.

Berbagai kejayaan Malaysia, nampaknya berpunca dari kejayaan dalam pencapaian kemerdekaan Malaya, sebagai **cikal bakal** atau "inti Malaysia", dalam mencapai kemerdekaan. Secara singkat dikatakan dengan kepimpinan Tunku Abdul Rahman, lahirlah Perikatan **UMNO-MCA-MIC** yang berjaya meraih 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan dalam Pilihan Raya 1955. Melihat kesuksesan ini, Inggeris dipaksa menyadari bahawa penjajahan tidak boleh dipertahankan lagi. Inggeris "tahu diri", sehingga meninggalkan Malaya tanpa kehilangan muka. Malaya beroleh kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957, lebih awal dua tahun dari yang direncanakan. "Malaya's attainment of **Merdeka** had been quite remarkable. In the 1955 elections, the Alliance presented a platform which hoped to achieve independence in four years. Yet within two years, Malaya became **Merdeka**."⁹

Dengan pandangan ke hadapan Tunku dan ramai pemimpin Malaysia, Sabah, Sarawak dan Singapura telah membuat mereka sepakat untuk mengasaskan Malaysia. Sekalipun dengan dibayang-bayangi polisi konfrontasi Filipina dan Indonesia di bawah pimpinan Sukarno yang kuat dipengaruhi komunis¹⁰, tekad tulus para negarawan tadi akhirnya memudahkan mereka membidani lahirnya

5. Ismail Hussein, "Antara Dunia Melayu dan Dunia Indonesia", dalam Hamzah Hamdani (Ed.), **Pemikiran Sastera Nusantara**, KL: DBP, 1988, pp. 216-7.

6. C.f. dengan huraian Mahathir Muhammad: "... sebelum orang Cina datang ke Malaya, orang Melayu telah

Malaysia pada 16 September 1963. Wajarlah bila ada yang mengatakan:

The foundations of Malaysia have been well laid. Malaysia and its constitution are the work of the political leaders of the constituent States, and those leaders have since secured the endorsement of their peoples through democratic elections based on adult suffrage and a secret ballot. Two years of hard bargaining have gone into making Malaysia. All parties have had to give and take to secure agreement. This arduous process has bred a mutual understanding and a common attachment to Malaysia which should give great strength for the future.¹¹

C. MAKNA SUATU BANGSA:

Dengan demikian lahirlah suatu **nation-state** Malaysia yang tetap memberi Hak-hak Istimewa kepada orang-orang Melayu kerana selama penjajahan merekalah yang paling dirugikan. Baik secara material umumnya mereka sama miskin maupun secara moral mereka telah diberi label-label yang merugikan, antara lain mereka dikatakan pemalas.¹² Bahkan salah seorang pakar Barat yang pernah hidup selama 45 tahun sempat menulis pada 1879 sebagai berikut: "Not a single Malay can be pointed out as having raised himself by perseverance and diligence, as a merchant or otherwise, to a prominent position in the Colony."¹³ Anugerah kemerdekaan ini telah melahirkan faham Tanah Melayu untuk Rakyat Berbilang Kaum¹⁴ dengan identiti bangsa sedang dicari.

Sebagai negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, dan kerajaan telah bersepadu mengisytiharkan Islam sebagai agama persekutuan.¹⁵ Barisan Nasional atau **BN** telah berjaya selama beberapa dekad memegang kuasa. **UMNO** sebagai inti dari **BN** telah cukup cergas melakukan politik Islamnya dengan tidak menjejaskan kewujudan puak Cina maupun India.

UMNO sebagai inti dari **BN** telah berjaya menciptakan berbagai lambang-lambang nasional, seperti batas-batas nasional, bendera nasional, bahasa nasional, lagu nasional, hari-hari nasional, tetapi juga MAS, **Malaysian Airline System**. Tapi yang lebih memprihatinkan, telah lebih dari 35 tahun merdeka, belum juga lahir apa yang dikenal sebagai satu bangsa Malaysia.

Memang setelah beberapa dekad merdeka amnya rakyat Malaysia masih cenderung berpikir, merasa dan bertindak sebagai anggota etnik tertentu, sehingga perasaan permusuhan, ketegangan dan syak wasangka etnik makin bertambah. Rakyat menyatakan ketidak-puasan dan tuntutan politik mengikut garis etnik. Sebarang tindakan politik tidak begitu bermakna dan berkesan sekiranya tidak dinyatakan, tidak dikaitkan dengan kepentingan etnik tertentu, sehingga pertumbuhan berbagai bentuk dan jenis organisasi, institusi, agensi, trust, kelab, persatuan dan sebagainya lebih cenderung mengikut garis etnik. Akibatnya, timbul semacam anggapan bahawa perpaduan etnik harus dicapai dahulu sebelum mencapai perpaduan nasional.¹⁶

Masing-masing etnik secara amnya berpikir dan bertindak seirama dengan kepentingan kaumnya. Walaupun mereka teringat ataupun terpikir mengenai etnik

yang lainnya biasanya bila berhubungkait dengan hal-hal yang kurang seronok. Hal ini antara lain dapat dilihat dalam beberapa karya sastera yang ada, umpamanya dalam kutipan berikut ini: "Ia [Mahmud] lebih senang kalau menjaga orang gila banga Tionghua atau India, sebab - menurut timbangannya - orang-orang itu dapat dihadapinya dengan kata-kata kesat atau tak usah dipedulikan langsung."¹⁷

Apa yang terungkap dalam berbagai karya sastera di atas, sedikit banyak dapat dilihat dalam slogan atau isu-isu politik yang selalu dikaitkan dengan masalah kaum. Para pemimpin **UMNO** umumnya cuba meyakinkan orang-orang Melayu bahawa **UMNO** saja yang dapat membela nasib orang Melayu dan menjamin segala hak dan keistimewaan kaum Melayu. Manakala **DAP** dan **MCA** menggunakan isu-isu politik yang boleh mengikat hati orang Cina, agar terjadi berbagai perubahan nasib dan kedudukan mereka pada masa sekarang, sehingga ianya menjadi lebih baik. **DAP** mau memperjuangkan bahasa Tionghua menjadi salah satu bahasa resmi, dan hak yang lebih bagi non-Melayu yang mereka anggap sebagai rakyat kelas dua. **PSRM** memperjuangkan hak dan keadilan kepada semua rakyat berdasarkan, kepentingan kelas tanpa mengira dan tidak mengutamakan mana-mana kumpulan etnik.¹⁸

Hanya dalam berbagai temu bual, seseorang akan mengenalkan dirinya sebagai orang Cina, India, atau Melayu. Mengenai orang Melayu, umumnya masih boleh dikhususkan lagi, ada di antara mereka yang membanggakan dirinya sebagai orang Johor, Kelantan dan Trengganu. Keadaan yang merupakan cabaran yang harus segera dicarikan jawapannya ini diakui seorang kolumnis piawai Rustam A. Sani dalam **Utusan Malaysia** 6 Julai 1992: "... Malaysia sesungguhnya merupakan a nation without nationalism,"¹⁹

Apakah memang adanya suatu bangsa Malaysia tidak diperlukan? Apalagi bila mengingat, lahirnya apa yang dikenal sebagai Perang Dunia I dan II merupakan hasil dari apa yang dikenal sebagai nasionalisme.²⁰ Sementara pihak yang lain mengatakan bukan nasionalisme, tapi jingo nasionalisme atau **chauvinisme** atau rasa cinta bangsa yang berlebih-lebihan yang telah melahirkan pelbagai masalah. Dalam bentuk mini jingo nasionalisme dapat dilihat di India dalam bentuk **arya-samaj** yang tidak mengakui adanya pemeluk agama lain selain pemeluk agamanya sendiri. Ada pula yang memandang bahawa "... nationalism is also the root of other common evils such as national socialism, national capitalism, national democracy and national culture."²¹

Akan halnya Sukarno yang pernah dikagumi sebahagian pemimpin di Malaysia, dianggap berjaya melahirkan **nation building** berupa bangsa Indonesia menyatakan bahawa nasionalisme adalah asas akal, suatu nyawa yang lahir dari suatu riwayat dan mempunyai kemauan hidup menjadi satu sekalipun berbeza dalam ras, bahasa, keperluan hidup, dan ingin mewujudkan satu pemerintahan baru dengan batas-batas negara tertentu yang diakui bersama. Nasionalisme ini terwujud dalam satu iktikad, suatu keinsyafan rakyat.²²

Hatta sebagai naib presiden pertama Indonesia yang berjaya mendampingi Sukarno ada mengatakan "... nasionalisme adalah kepercayaan yang dianut oleh sejumlah individu yang jumlah cukup besar bahawa mereka merupakan suatu

bangsa (**nationality**); ia merupakan kesedaran tentang keterikatan mereka sebagai suatu bangsa (**nation**).²³

Sebagai seorang pakar dalam bidang nasionalisme dalam **The Idea of Nationalism**, Hans Kohn menunjukkan bahawa "The growth of nationalism is the process of integration of the masses of the people into a common political form. Nationalism therefore presupposes the existence, in fact or as an ideal, of a centralized form of government over a large and distinct territory."²⁴ Hal ini sebahagian telah berjaya diamalkan dalam para pelaku sejarah Malaysia, dan bagaimana agar ini menjadi amalan semua warganya? Bila belum bererti sebahagian mereka masih menjadi orang asing atau "The Stranger", yang juga dijadikan tajuk sajak Rudyard Kipling:

The Stranger within my gate,
He may be true or kind,
But he does not talk my talk -
I cannot feel his mind.
I see the face and the eyes and the mouth,
But not the soul behind.

Bila mereka telah berjaya menjadi satu bangsa, kerana adanya persamaan nasib dalam suatu perjuangan dan sejarah yang mereka hayati bersama, mereka tetap bersatu padu baik dalam suka dan duka. Bila mereka telah menjadi satu bangsa tak ada lagi dinding pemisah antara mereka, dan masing-masing boleh mengambil kira apa yang telah, tengah serta akan membabitkan mereka bersama seperti terakam dalam bait-bait berikut ini:

The men of my own stock
They may do ill or well,
But they tell the lies I am wonted to,
They are used to the lies I tell;
And we do not need interpreters
When we go to buy and sell²⁵

Adalah cukup mencabar apa yang didedahkan Perdana Menteri Malaysia semasa ini mengenai bangsa Malaysia. Secara lengkapnya perlu dinukilkan huraian beliau itu, agar ianya boleh dijadikan renungan semua yang terbabit:

... dalam sebuah bangsa yang multirasial seperti Malaysia, kesatuan dapat dicapai, asal ada kesepakatan mengenai pilihan bahasa dan kebudayaan yang bersangkutan. Jika bahasa yang terpilih itu sudah diterima, sebuah bangsa multirasial dapat membentuk sebuah kesatuan nasional dengan mempergunakan metode-metode susulan seperti penonjolan loyalitas, misalnya kepada seorang raja, pengajaran sejarah nasional, pemujaan terhadap simbol-simbol nasional dalam bentuk bendera, lagu kebangsaan, warna dan sebagainya dan terakhir tak kurang penting penghargaan terhadap konstitusi dan undang-undang negara. Selama proses ini berlangsung rakyat haruslah betul-betul berintegrasi

D. BEBERAPA LANGKAH PEMBINAAN BANGSA

Berbicara mengenai bangsa bererti identik dengan integrasi nasional yang memungkinkan bangsa tersebut menghadapi berbagai cabaran yang ada, bila-bila masa, di mana dan terhadap sesiapa saja, baik dari dalam maupun dari luar. Ada berbagai problema bahkan juga realiti yang ada yang akan menghambat proses integrasi nasional tersebut terwujud. Untuk kes Malaysia adalah soal pertentangan ideologi, multiparti, perbezaan agama, aliran, kaum, suku, kesenjangan sosial ekonomi, soal hubungan pusat dan daerah, majoriti-minoriti, bumi putera dan non-bumiputera, soal pertikaian politik yang tak akan kunjung selesai, bahkan juga soal hubungan elit yang berkuasa dan massa yang diperintah.

Hanya saja pasti akan terjadi suatu perubahan alami sebagai salah satu hukum sejarah pasti terjadi dalam masyarakat. Perubahan ini antara lain disebabkan kontak antara berbagai kaum atau kelas, percampuran, peniruan serta sejenisnya.²⁷ Hanya berapa lamakah proses alami ini boleh berjalan? Bagaimanakah bila terjadi semacam guncangan dalam bidang ekonomi atau bidang sekuriti, sehingga berbagai kilang yang ada harus menghentikan aktiviti kerana merugi atau sebab-sebab politik?

Tidak dapat pula dinafikan, bahawa **BN** telah cukup berjaya meredam atau mengurangi berbagai pertentangan yang ada. Hanya bagaimana halnya dengan mereka yang berada di "luar pagar" yang beroleh label sebagai para pembangkang? Bukankah di dalam **BN** sendiri tidak pula senyap dari berbagai gejolak dalam menghadapi berbagai cabaran yang ada?

Hanya saja **BN** tidak juga senyap menghadapi berbagai cabaran dari umat Islam yang merupakan sekitar 55% penduduk Malaysia. Lebih-lebih lagi, sebahagian besar mereka semula hidup di luar bandar dan mempunyai kecenderungan yang cukup konservatif dan ritualis.²⁸ Sebahagian dari mereka ada yang berusaha agar diterapkan hukum-hukum Islam secara ketat, tapi terhad dalam sisi luar dan kurang memperhatikan perubahan zaman yang telah berlaku. Bahkan ada sebahagian mereka yang beranggapan bahawa matlamat nasional bertentangan dengan matlamat Islam. Nasionalisme bagi sebahagian mereka adalah ideologi sekuler dan harus dilenyapkan kerana bersifat non-Islam.²⁹

Berbeza dengan Melayu, sebahagian orang Cina datang ke Nusantara sebagai ekoran datangnya orang-orang Barat. Apalagi para penjajah Barat mempunyai pandangan positif mengenai mereka. Kapten Lennon dari askar Inggeris Melaka telah mengatakan: "A very orderly and well-behaved people, ... who from their industry and ingenuity ... are very useful to new settlements."³⁰

Tidak dapat dinafikan bila orang-orang Cina cukup memberikan manfaat bagi tanah Melayu. Ma Huan dalam **Ying-yai Sheng-lan** telah menghuraikan kedatangan utusan kaisar Cina. Laksamana Cheng-Ho, yang telah mengangkat status kota Malaka sebagai Kerajaan Malaka, sehingga kuasa Siam tidak berani mengganggu Melaka lagi.³¹ Bahkan kedatangan emigran spontan ini berjaya pula

27. Charles Issawi, **An Arab Philosophy of History**, Frome: Butler and Tanner Ltd., 1963, p. 8.

28. Lihat umpamanya S. Husin Ali, "Agama pada Tingkat Kampung", dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique dan Yasmin Hussain (Eds.), "Readings on Islam in Southeast Asia", alih bahasa Hasan Basari, **Islam di Asia Tenggara**, Kuala Lumpur: Institut Islamiah, 1988, pp. 244-265.

melakukan asimilasi dengan penduduk tempatan. Hanya saja sebahagian mereka³² masih tetap ingin menjaga kemurnian rasnya, enggan melakukan asimilasi dengan penduduk tempatan, kecuali bila sangat terpaksa sekali. Ini antara lain dapat dilihat dari kes seperti berikut: "Trengganu, for instance, has had for a considerable period an indigenous Chinese population interbreeding among the local Chinese and the new immigrants from China."³³

Sebahagian mereka juga berupaya memelihara tradisi dan adat resam dari tanah leluhur. Akan lebih memantapkan akar umbi budaya mereka, sebahagian orang Cina yang mempunyai kelebihan wang mendatang ramai cikgu dari tanah leluhur untuk mengajar di sekolah-sekolah yang mereka dirikan. Apa yang terjadi di kalangan mereka yang dikenal sebagai kaum Cina, juga berlaku pula di kalangan mereka yang disebut sebagai orang Tamil.

Melihat realiti yang ada ini, perlu diupayakan suatu ideologi yang boleh memberi cabaran terhadap berbagai sisi negatif dari realiti yang ada, sehingga berubah menjadi suatu yang positif dan melahirkan suatu bangsa Malaysia yang didambakan bersama. Untuk itu diperlukan suatu ideologi yang bersifat integratif. Kemampuan integratif ini dimungkinkan bila suatu ideologi mempunyai beberapa syarat, umpamanya:

a. Ianya mempunyai akarumbi dalam masyarakat, merupakan realiti yang tumbuh, hidup serta mencabar dalam masyarakat. Bila ini ada, akan memudahkan setiap warga masyarakat mampu memahami dan menghayatinya dengan baik, sehingga memungkinkan mereka mendukungnya secara optimal.

b. Adakah idealism yang mantap dari ideologi tadi, yang memberikan harapan tentang hari esok yang lebih baik. Ianya menjanjikan kehidupan bersama yang lebih cerah. Ianya bukan sekadar hal yang utopia, sekadar angan-angan, yang tiada hubungkaitnya dengan realiti masyarakat yang ada. Kemampuan ideologi ini menampilkan suatu idealisme yang realistik akan memperkuat **sense of belonging** masyarakat terhadapnya, sehingga nampak faktor integratif yang dimiliki ideologi ini.

c. Adakah ideologi itu bersifat lentur, fleksibel, mampu melakukan "pembaharuan", "terbuka", dan menerima berbagai penafsiran baru dengan tiada kehilangan keasliannya, **jati dirinya**, tidak beku, mempertahankan **statusquo** atau kemapanan dan kestabilan semu, sehingga lepas dari realiti yang ada.³⁴

d. Adakah ideologi tadi mampu melakukan semacam ubah suai, sehingga ianya dapat melakukan semacam terobosan terhadap berbagai cabaran yang ada. Dalam kes ini ianya boleh "berubah" wujud sesuai dengan cabaran tempatan maupun cabaran semasa.

e. Adakah ideologi tadi mampu meredam bahkan menyelesaikan berbagai konflik yang ada, baik dengan menawarkan jalan penyelesaian ataupun dengan menunjukkan sia-sianya konflik tadi diteruskan. Atau ianya merupakan titik pertemuan bagi berbagai konflik yang ada.

Pendekatan yang dilakukan dalam membina **nation building** tidak boleh bersifat fragmentaris, tidak terpenggal-penggal. Apalagi yang berkait dengan ideologi setidak-tidaknya membabitkan tiga dimensi, iaitu:

a. Dimensi hubungan lokal dan nasional, berhubungkait antara daerah dan pusat. Semua usaha lokal tidak boleh terlepas dari strategi nasional.

pendekatan ataupun pemecahan masing-masing bidang saling berkait dan tidak boleh dilepaskan dengan perbaikan-perbaikan struktural agar diperolehi hasil yang maksima.

c. Dimensi doktrinal atau normatif harus berhubungkait dengan realiti yang ada. Kalau hanya diselesaikan secara normatif, hanya berhenti dalam cita-cita saja dan belum menyentuh kehidupan yang nyata.

Hanya saja dalam pendekatan yang bersifat struktural harus dilakukan secara lebih hati-hati, harus bijak. Pendekatan struktural sering menimbulkan reaksi, jawapan, atau response yang bersifat emosional dari pihak yang terbabit. Apalagi mereka yang berkuasa sering menampilkan diri sebagai kendala, sebagai penghalang, dan tiada ragu-ragu mereka akan memberikan label pada setiap usaha perbaikan yang ada sebagai **counter** bahkan **enemy** terhadap stabilitas atau **statusquo** yang ada. Dengan demikian terasakan sekali perlunya pendekatan yang bersegi banyak, yang menyeluruh, pendekatan yang menegaskan kebudayaan sebagai konvergensi nilai, baik nilai agama, ekonomis, estetis, bahkan juga kekuasaan.

Pendekatan antropologis yang membezakan antara kebudayaan dan alam dengan manusia sebagai titik pusatnya, telah berusaha memberikan pengetahuan yang hampir menyeluruh tentang berbagai aspek kehidupan masyarakat dan menunjukkan pula dasar-dasar perbezaan masyarakat-masyarakat manusia dari sudut teori nilai.

Pendekatan ideologis membezakan manusia sebagai pencipta kebudayaan, berupa cipta, rasa, dan karsa (kehendak), serta manusia sebagai penerima sesuatu yang dikenal sebagai wahyu, wilayah yang tidak boleh ditawar kerana bersifat sakral (suci) dan berada di luar pemahaman benak manusia. Manusia boleh berbuat apa saja asalkan tidak mengingkari rahmat Pencipta yang memberikan kata akhir mana yang boleh dan mana yang tidak boleh. Bila hal ini terjadi, bererti memungkinankan lahirnya mekanisme yang ampuh dalam usaha melahirkan **conflict management** sehingga hal-hal yang kurang diinginkan boleh diselesaikan dengan sebaik-baiknya dengan tidak merugikan mana-mana pihak yang terbabit.

Dengan pendekatan yang demikian ini, melahirkan suasana yang komunikatif sehingga warga masyarakat yang ada lebih berfungsi, dalam segi yang paling sederhana manusia dengan kebudayaan dilukiskan bagaikan laba-laba dengan jaringan yang dibuatnya sehingga akan lahir kebudayaan sebagai suatu sistem yang bermakna, yang mencegah miskomunikasi yang sering melahirkan kendala bahkan juga konflik yang tidak dikehendaki. Wajarlah bila lahir keadaan yang secara rasional dianggap logis dan secara emosional dianggap wajar, seperti tercermin dalam masyarakat yang religius. Perbezaan agama atau budaya yang ada lebih dapat disamakan mozaik kebudayaan yang beraneka ragam.³⁵

Bila dikaji dengan ideologi atau paradigma berpunca dari Islam, beragam budaya yang ada yang Islami maupun tidak, bukan merupakan hal yang tabu. Islam yang utuh boleh membezakan daerah yang marginal yang baru disentuh agama, dengan daerah yang lama telah diisi dengan adat resam Islam tempatan. Bahkan paradigma Islam membenarkan adanya daerah **counter-culture** kerana mempunyai budaya yang berbeza yang bahkan mengambil jarak sebagai pembangunan terhadap budaya Islam yang ada. Dengan demikian tidak dikenal bentuk dominasi majoriti

moral dianggap benar dan adil untuk mengatur dirinya dalam kehidupan bersama dalam menghadapi berbagai cabaran yang ada. Berbagai sistem nilai lain yang hanya dimiliki sebahagian warganya sekadar merupakan sub-ideologi yang dapat lebih memperkaya dan memperkukuh ideologi yang ada³⁶.

Dari huraian ini, Islam seharusnya dapat dijadikan salah satu sumber utama bagi pembinaan suatu ideologi yang bersifat integratif. Suatu sumber bagi lahirnya suatu ideologi yang boleh melahirkan suatu bangsa Malaysia yang bermaya dan berjaya. Suatu bangsa Malaysia yang nantinya lebih aktif sebagai **subject** bagi berbagai aktiviti yang mereka lakukan, bila-bila masa dan di bidang apapun juga.

Mengapa Islam boleh menjadi salah satu sumber utama? Berhubung kait dengan hal ini, perlu difahami apa yang diketengahkan Robert N. Bellah dalam karyanya **Beyond Belief**. Sosiologis agama ini menyimpulkan kerja gergasi yang telah berjaya dilakukan Muhammad dalam mengubah masyarakat Arabia dalam masa yang relatif singkat. Hal yang sama juga dibenarkan L. Stoddard dalam **The New World of Islam**, yang menekankan bahawa Muhammad boleh menegakkan suatu pemerintahan yang bercorak Islam dengan tiada bantuan suatu kuasa duniawi siapapun, tidak seperti Kristian atau Buddha umpamanya. Dengan kata-kata yang cukup ringkas dikatakan: "...satu negara hanyalah dapat dikatakan bercorak Islam manakala keadilan dan lain-lainnya (seperti persamaan maupun kemerdekaan) itu benar-benar terwujud dan terasa didalamnya dan mempengaruhi seluruh kehidupan rakyat³⁷.

Perlu pula difahami apa yang disajikan Robert N. Bellah mengenai kepemimpinan Islam yang dicontohkan Rasulullah dan para khalifah penggantinya yang dinilai sangat moden kerana kelembagaannya tidak bersifat keturunan, universalistis dan memungkinkan partisipasi dan keterbabitian yang tinggi dari seluruh lapisan masyarakat. Keadaan demikian ini melahirkan tipe (**type**) kebangsaan yang berperanan serta yang berkesamaan (**equalitarian participant nationalism**). Hal ini dimungkinkan kerana Konstitusi Madinah yang ada demikian khas sekali sifatnya dalam proses "kelahiran maupun isinya", sebagaimana terlihat dalam huraian berikut ini:

By it [Constitution of Madina] there was brought into being a federation of clans according to the principles generally accepted in Arabia. The Emigrants from Mecca, with Muhammad as their chief, were reckoned as one clan, and there are also named eight clans of the Arabs of Medina. There was nothing specifically Islamic in this federation except that the main parties to it were all Muslims. Muhammad was recognized as prophet, and it was stated that disputes were to be referred to him, but otherwise he was only one clan chief among nine ...³⁸

Islam yang semula dilahirkan di Arabia, banyak pula mengambil berbagai adat resam tempatan, seperti dalam penerimaan tamu bahkan juga dalam ibadah haji. Dalam apa yang sekarang lebih dikenal sebagai demokrasi, atau syura umpamanya, Islam juga memanfaatkan adat resam orang-orang Arab saat itu.³⁹

Akan halnya para pemimpin Islam, mereka sebenarnya lebih dibebani kewajiban bukan hak. Wajarlah bila mereka berjaya melakukan: **putting the first**

The integrity of the officials is essential for the preservation of public order and morale, and since the governor of the Muslim state is obliged to "command the good and forbid the evil" the political organization of the Muslim community is superior to that of any other state. Justice has its origin and justification in the command of God.⁴⁰

Hanya saja, Islam maupun Muhammad bagi mereka yang kurang mempelajarinya lebih difahami sebagai suatu "monster" yang menakutkan. Ini boleh terjadi kerana mass media yang ada lebih berpunca dari kebudayaan dan peradaban Barat. Yang disebut terakhir ini merasa dirugikan dengan kedatangan Islam, sebagaimana telah diakui secara jujur oleh sebahagian cendekiawan Barat.

Until Karl Marx and the rise of Communism, the Prophet organized and launched the only serious challenge to Western civilization that it has faced in the whole course of its history. How serious a challenge and how menacing a threat it once seemed is worth recalling. The attack was direct, both military and ideological. And it was very powerful⁴¹.

Bahkan rasa antipati terhadap Islam di Dunia Barat sampai sekarang belum juga hilang. Salah satu contohnya adalah dapat dilihat dari artikel Christopher Dickey, "Should We Fear Islam? The New Frictions Have Old Roots", **Newsweek**, February 15, 1993. Dalam perenggan terakhir artikel pendek di atas Dickey ada menulis: "Should the West fear Islam? Not as such. But it is worth keeping a very close eye on those who carry its banner." Bandingkan dengan laporan utama **Newsweek**. March 15, 1993.

Bagaimana halnya dengan Islam yang ada di Malaysia saat sekarang ini? Nampaknya Islam yang ada mungkin lebih bersifat politik dengan dominasi kebudayaan feodal-agraris. Kebudayaan ini hakekatnya masih bersifat Hindu dan berunsur asli yang sekedar dilegitimasi oleh "Islam" sehingga Islam bukan berfungsi mengatur, tapi diatur manusia. Islam yang bersifat politik sekedar menekankan kuasa saja, dan lebih menguntungkan mereka yang berkuasa, mereka yang memegang tampuk kerajaan dan sering merugikan rakyat secara am kerana lebih mementingkan **statusquo**⁴² serta cenderung melihat sesuatu dengan cermin mata hitam dan putih. Dengan demikian Islam lebih muncul sebagai sesuatu yang gersang, kering dan belum berbuah apa-apa. Ini dimungkinkan kerana Islam baru beberapa dekad membebaskan diri dari kuasa Barat.

Islam yang diamalkan dalam wajah modennya sekedar meniru budaya Barat, Islam belum berjaya melahirkan suatu budaya sendiri. Peniruan terhadap kuasa Barat yang menjadi pemenang dalam pakaian, adat resam serta sejenisnya menunjukkan anggapan yang keliru bahawa kemenangan disebabkan kelemahan kepercayaan, dan adat resam mereka yang tewas. Dengan peniruan ini diharapkan akan menghilangkan sebab-sebab kekalahan yang terjadi. Semua ini menunjukkan tanda-tanda kelemahan (**inferiority**) dari si peniru.⁴³

Selain Islam, banyak pula adat resam tempatan yang boleh dijadikan semacam asas atau baja bagi menyuburkan kelahiran suatu bangsa Malaysia yang berjaya. Umpamanya sahaja beberapa nilai yang diumpunyai suku Jawa yang lama telah

hijrah dan menjadi warganegara Malaysia.

Salah satu contohnya dikatakan untuk boleh berjaya manusia harus memiliki lima "wa", iaitu: **wareg** (kenyang) **wastra** (pakaian), **wisma** (rumah), **waras** (sehat), **wasis** (pandai). Lima "wa" yang diketengahkan Petruk dalam "Wahyu Purba Kayun"⁴⁴ ini, sering direduksi menjadi tiga, iaitu **sandang, mangan, lan papan** (pakaian, makan, dan rumah). Bila dikaji secara bermakna, keperluan asas ini harus dipenuhi bila seseorang pemimpin boleh dengan selesa mengajak rakyatnya menuju matlamat bersama.

Berhubungkait dengan sikap pakar atau cendekiawan atau pakar sebagai orang yang berilmu dengan pemimpin negara yang berkuasa, Soetjipto W ada menghuraikan kaidah berikut: **Kena rikat ning orang pareng dhisiki. Keno seru ning ora pareng ngandhani. Keno takon ning orang pareng ngregoni.** (Boleh cepat, tetapi jangan mendahului. Boleh keras bicaranya namun jangan menggurui. Boleh bertanya asal tidak mengganggu.)

Sebagai immigran yang berjaya, Kaum Cina boleh menyumbangkan nilai-nilai bermakna yang mereka miliki bagi pembinaan bangsa Malaysia.⁴⁵ Umpamanya dengan menampilkan nilai-nilai yang diajarkan Confusius. Dengan, **Shih Ming** (Kitab Nyanyian) yang berjaya disusun Confusius, filsuf ini secara tidak langsung telah memberikan sumbangan dalam bidang ketatanegaraan, kerana dengan sajak tadi pemerintah Cina boleh tahu keadaan rakyat dan dapat memperbaiki keadaan mereka.⁴⁶

Hanya saja perlu adanya adaptasi kerana sukarnya difahami kitab-kitab klasik Cina yang ada.⁴⁷ Cukup sukar difahami para pakarnya, apalagi bagi orang awam. " ... it took me [Gao Shan Zi] years and years of study to understand it. [I **Ching** or **Book of Changes**] myself."⁴⁸ Dikatakan isi kandungan maupun makna kitab-kitab klasik Cina dalam bahasa **Wen Yen** yang amat padat, jitu, ringkas jalan bahasanya dan penggunaan katanya membuat bahasa lama ini amat sukar difahami. Akibatnya dari 13 ribu peserta ikut peperiksaan di Peking, hanya 330 sahaja yang lulus peperiksaan sarjana (M.A.) pada 1879.⁴⁹

Adaptasi juga perlu beroleh perhatian terhadap berbagai adat resam dan kepercayaan kaum-kaum yang ada. Umpamanya mengenai kepercayaan dan adat resam kaum Cina. Dari realiti sehari-hari orang Cina percaya ada hubungan dua hala dengan pelbagai jenis dewa, jin, hantu dan sebagainya. Kalau mereka tidak menghormati, memenuhi kehendak, berdamping rapat dan memberi hadiah kepada dewa pada suatu masa mereka akan menanggung rugi.

Mereka memberi hadiah supaya nasib berubah, kalau perlu menukar nama agar tidak diketahui makhluk ghaib. Mereka percaya kepada **feng shui**, suatu kuasa di bawah tanah yang saling berlawanan satu dengan lain. Menurut keadaan alam sekitar salah satu kuasa ini akan menjadi dominan. Berhubungkait dengan kepercayaan ini korporat-korporat Cina sanggup membayar 50 ribu ringgit untuk mendapatkan nasihat di mana hendak diletakkan pintu gerbang, tingkat, atau kedudukan meja pengurus. Bila perlu mereka akan memperbaiki kesalahan letak benda-benda tadi yang berada dalam lalu lintas makhluk ghaib.

Mereka meletakkan cermin di depan pintu, bila makhluk ghaib membuka pintu bayang-bayangnya akan ternampak di dalam cermin itu sehingga dia tak jadi masuk

kerana ia fikir makhluk ghaib lain sudah ada di dalam rumah itu. Bila Tahun Baru tiba gambaran wajah makhluk ghaib itu digantung di dinding dapur dan mulutnya akan disapu dengan air madu. Ini dilakukan bertujuan bila dia membuat laporan tentang kelakuan orang di dalam rumah, dia akan membuat laporan yang manis-manis belaka walaupun sepanjang tahun kelakuan orang tadi teruk sekali.

Bila seorang Cina mati, pada mulut mayat diletakkan emas. Apabila penyelia datang bertanya siapakah namanya, si mayat pun membuka mulutnya lalu emas itu pun akan terkeluar dan penyelia ghaibpun akan kutip emas itu. Orang yang berkepercayaan seperti ini, kalau lalu dekat kastam dia bersedia memberi emas. Jaginya ini merupakan suatu hadiah dan bukan rasuah. Bagi orang seperti ini semua perkara boleh diputar belit atau dimanipulasikan. Kepercayaan ini juga berkesan dalam karya **Seni Perang** oleh Sun Tzu, dia menerangkan yang penting dalam perjuangan ialah kemenangan dan bukan kaedah perjuangan.⁵⁰

Kesan nilai-nilai ini nampak pula ketika orang Cina Hongkong menterjemahkan lirik lagu Beatles, "I Can't Give You Anything But Love" sebagai "Marilah kita makan babi, main judi dan main seks." Bagi mereka babi adalah makanan yang sangat lazat. Mereka suka berjudi dan mengadakan hubungan seks. Ini nilai-nilai mereka. Mereka suka berahsia. Mereka tidak ingin memberitahu hal peribadi atau perniagaan mereka kepada umum. Orang Cina mengikut resmi penyu, sedangkan Orang Melayu zaman sekarang mengikut resmi ayam. Berhubungkait dengan kaum Cina dalam masa hadapan yang dekat, kerajaan Malaysia boleh melancarkan Proton Kuan Yin tidak hanya kereta Iswara sahaja. Sedangkan untuk masa hadapan yang jauh, perlu ditubuhkan apa yang disebut Sinologi (**sinology**), suatu ilmu yang secara khas mengkaji orang Cina. Hal yang sama perlu dilakukan terhadap kaum India sehingga 3 kaum utama diketahui secara utuh.

Bila kaedah-kaedah di atas boleh diamalkan, nantinya lahir suatu partisipasi rakyat secara am terhadap apa yang dilakukan kerajaan.⁵¹ Daya tahan ideologi tentunya tergantung dari kemampuan intelektual mereka yang meneliti, menganalisa, melahirkan dan menafsirkan ideologi secara objektif berdasarkan nilai-nilai dasar, nilai-nilai yang bermakna, nilai-nilai yang pokok yang memungkinkan mempengaruhi, dan menyesuaikan diri dengan isu-isu semasa dengan tiada kehilangan **corenya**, intinya.⁵²

E. PENUTUP:

Dari huraian di atas, nampak sangat mustahak sekali dilakukan suatu upaya yang menyeluruh dalam mencari suatu identiti bangsa Malaysia. Hal ini boleh berjaya bila pendekatannya bersifat emosional dan rasional sesuai realiti yang ada.

Telah pula dihuraikan usaha mengetengahkan Islam sebagai salah satu sumber utama bagi identiti bangsa Malaysia. Hanya saja Islam yang ditawarkan adalah Islam yang masih dalam proses, Islam yang belum final, sehingga benar-benar Islam menjadi **rahmatan lil alamin**. Islam yang akan membawa keberuntungan bagi sesiapa saja, apapun agamanya maupun latar belakang budayanya. Dengan demikian Islam dapat dikatakan sesuatu yang **dzu wujud**, yang mempunyai banyak wajah dalam makna yang baik. Ini mudah difahami kerana yang dihadapi tidak hanya umat Islam sahaja, tetapi komunitas bangsa, **national community**. Berhubungkait

lapang, toleran, tanpa kefanatikan, dan tidak membelenggu jiwa. Tekanan pengertian itu pada suatu agama terbuka, atau cara penganutan yang toleran. Ini sebetulnya sudah dipahami, terutama di kalangan kaum sufi, sejak dulu.⁵³

Bila yang telah dihuraikan, tidak segera diamalkan secara terprogram, boleh terulang apa yang terjadi pada 9 Ogos 1965, iaitu Singapore menyatakan tidak lagi menjadi bahagian bagi Malaysia. Hanya saja bagi seorang yang melihat ke hadapan, apa yang telah terjadi tiada manfaatnya untuk disesali. Apalagi bila seseorang telah memahami apa yang telah dihuraikan Deutsch:

Thus the art of nation-building in the next few years may to a considerable extent depend on the art of nation limiting. This would be the art of persuading new nations to limit themselves to a size manageable for their own integrative and decision making capabilities, as well as the art of separating population and territories wherever too many people seem to be imprisoned in hardened deadlocks of mutual frustration and rising resentment. Agreeing to differ, two or several such new nations may then become good friends.⁵⁴

Akhirnya, dengan berhasilnya diupayakan suatu ideologi yang boleh mewujudkan Bangsa Malaysia bersatu yang hidup dengan aman dan bahagia, bererti salah satu cabaran dari Wawasan 2020 telah dicapai dengan baik. Atau mungkin sebahagian kita terpesona dengan apa yang dihuraikan berikut ini:

Nasionalisme itu sebenarnya ialah perasaan cinta kepada bangsa sendiri, tanahair sendiri, kepada kaum sendiri dan sebagainya; ini adalah suatu hakikat yang wujud di dunia ini semenjak manusia mempunyai peradaban, iaitu semenjak manusia tahu dan pandai mengatur negara sendiri. Ia bermula kepada perasaan cinta kepada sukunya sendiri, kepada kaumnya sendiri, daerah dan wilayahnya sendiri. Apabila suku-suku itu menjadi satu bangsa, ia meluas menjadi cinta kepada bangsa, kepada negara atau tanahair sendiri.

Atau Anda berkenan memberikan jawapan lain? Sila dan terima kasih atas perhatian dan tanggapan Anda.

Bangi, 31 Mac 1993

53. "Mencari Kebenaran Yang Lapang", **Tempo**, 31 Oktober 1992, p. 97.

54. Deutsch, **op. cit.**, p. x.

55. Abdullah Tahir, **op. cit.**, p. 12.